




*Dokumen Induk*

وثقیاتن ممباعتون برسام اسلام

# PENGGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)

2023 - 2033



MERAKYAT  
MEMBANGUN  
BERSAMA ISLAM  
(MMBI)

2013  
HINGGA  
2023

1990  
HINGGA  
2013

MEMBANGUN  
BERSAMA ISLAM  
(MBI)



Dokumen Induk  
فصحياتن ممباغون برسام اسلام  
**PENGHAYATAN**  
**MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)**  
Cetakan Pertama: DISEMBER 2023  
**2023 - 2033**

**HAK CIPTA TERPELIHARA:** Tidak dibenarkan sesiapa jua mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

**Penaung**  
**YAB Dato' Panglima Perang**  
**Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud**  
Menteri Besar Kelantan

**Panel Penyusun**  
Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK)  
Pejabat Menteri Besar Kelantan  
  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

**Panel Penyemak**  
Dr. Nazmi bin Ghazali Azmi  
Setiausaha Politik Menteri Besar  
  
En. Mohd Khairul Padli bin Baduldin  
Setiausaha Akhbar Menteri Besar  
  
Dr Mohd Huzairi bin Awang @ Husain  
Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK)  
Pejabat Menteri Besar

**Rekaan Kulit & Pereka Grafik**  
Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi (IPTG)

**Penerbit**  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)  
Tingkat Bawah, Blok Dewan Negeri, Kota Darulnaim 15503 Kota Bharu, Kelantan

# Kata-Kata Aluan

YAB. USTAZ DATO' PANGLIMA PERANG MENTERI BESAR KELANTAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

21 Oktober 1990, tarikh yang bersejarah bagi rakyat Kelantan Darul Naim. Pelantikan Tan Sri Dato Bentara Setia Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan ke-17 telah membuka satu era baru dengan Dasar Membangun Bersama Islam. Pembinaan teras utama melibatkan 3 tonggak; 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan menjadi asas pembentukan pentadbiran Negeri Kelantan berdasarkan syariah Islam.

Dasar ini telah diteruskan oleh YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan ke-18 melibatkan pelaksanaan ke arah mencapai tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan berpandukan strategi Merakyat Membangun Bersama Islam dan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan (KMK) serta Prinsip Pengurusan Ihtirafi dan Strategi Lautan Hijau.

Kini, saya diberikan tanggungjawab meneruskan legasi Dasar Membangun Bersama Islam apabila dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan ke 19. Memahami hasrat dan tujuan dasar ini digagaskan 33 tahun yang lalu, saya benar-benar inginkan agar semua kakitangan Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Kelantan menghayati dasar ini dengan sepenuh jiwa dan melaksanakannya dalam seluruh kehidupan.

Oleh itu, sebagai penyempurnaan era pertama dan kedua, saya dengan ini memperkenalkan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI). Strategi ini akan melibatkan 'Kuasa Penggerak' yang dirangkumkan dalam beberapa 'Kelompok Faktor' iaitu Kepimpinan, Pengurusan Sumber, Pengurusan Alam Sekitar Lestari dan Teknologi dan Pengurusan Strategi yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa.

Natijah akhirnya akan dapat dilihat melalui dua indikator keberhasilan iaitu sokongan rakyat terhadap aspirasi kepimpinan dan budaya kebersamaan rakyat dengan kerajaan.

Insyallah, semoga strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) ini dapat dilaksanakan dan mencapai matlamat yang ditetapkan seterusnya merealisasikan Kelantan Maju Rakyat Sejahtera.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**\*\* ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT\*\***

**\*\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM \*\***

Dengan hormatnya,

**Dato' Panglima Perang**

**USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD**, S.J.M.K., D.J.M.K., J.M.K. (Kelantan)

Menteri Besar Kelantan

“Memahami hasrat dan tujuan dasar Membangun Bersama Islam yang digagaskan 33 tahun yang lalu, saya benar-benar inginkan agar semua kakitangan Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Kelantan menghayati dasar ini dengan sepenuh jiwa dan melaksanakannya dalam seluruh kehidupan.”



# ISI KANDUNGAN

## PENGENALAN

Firman Allah | Era Membangun  
Bersama Islam | Definisi Penghayatan

M/S 7-10

## PERMULAAN KONSEP PMBI

8 Arah Kerja |  
Permulaan Konsep PMBI

M/S 11-14



## PEMETAAN DOKTRIN PMBI

Teras, Prinsip, Nilai, Natijah |  
Kuasa Penggerak Kelantan  
*Futures State 2023*

M/S 15-17

## FASA-FASA PELAKSANAAN PMBI

Fasa 1: Pemacu Strategi |  
Fasa 2: Kemampanan Strategi |  
Fasa 3: Peneguh Visi | Natijah Akhir | Penutup

M/S 25-32

## PEMETAAN MAQASID SYARIAH DALAM ELEMEN KUASA PENGGERAK PMBI

Hifz Ad-Din | Hifz Al-Nafs  
Hifz Al-Nasl | Hifz Al-'Aql | Hifz Al-Mal

M/S 18-24



# **PENGENALAN**

**PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-PMBI**



## Firman Allah SWT

﴿فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ  
النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ﴾

*“Maka hadaplah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang tulus; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”*

**(Surah Ar-Rum Ayat 30)**





# Era MEMBANGUN BERSAMA ISLAM



## PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)

Era ketiga melibatkan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang terbit hasil daripada penyempurnaan era pertama dan kedua yang akan diterangkan selanjutnya dalam Dokumen Induk PMBI ini



1990-  
2013

### MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI)

Era pertama melibatkan pembinaan teras utama antaranya pengurusan kewangan Islam dan pengukuhan akhlak rakyat berdasarkan cara hidup Islam melalui cetusan Membangun Bersama Islam (MBI) oleh Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat



2013-  
2023

### MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MMBI)

Era kedua melibatkan pelaksanaan ke arah mencapai Tonggak 3K (Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan) berpandukan strategi Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) dan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan (KMK) serta Prinsip Pengurusan Ihtirafi dan Strategi Lautan Hijau di bawah Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob



2023-  
2033




Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, **penghayatan** merupakan perihal menghayati, perihal mengalami, dan merasai dalam batin (Kamus Dewan Edisi Keempat)



Dr Yusof Al-Qardhawi menggambarkan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan (menyeluruh) berdasarkan pengertian menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT



**Dalam konteks Malaysia, istilah penghayatan kebiasaannya dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan di dalam kehidupan,** sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya (*circle of influence*) secara perseorangan atau melangkau keluar hingga ke ruang kecaknaannya (*circle of concern*) yang melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara; dengan berasaskan pengetahuan dan kefahamannya



**PERMULAAN  
KONSEP PMBI**  
(PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM)





# ARAHAN KERJA

yang telah ditetapkan oleh YAB Menteri Besar pada penghujung era kedua



Pemasukan 3 teras 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) dalam setiap perancangan & program

01

Program pengukuhan Merakyat Membangun Bersama Islam secara dalaman dan luaran hendaklah diperkasa

02

Projek-projek yang diluluskan di bawah RMK-12 perlu diberi perhatian

03

Kelantan berpotensi menjadi hub-pelaburan, Kelantan mesti menjadi pilihan pelabur

04

Pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif mesti dilaksanakan dalam pembelajaran subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)

05

Anak muda sebagai generasi masa hadapan negeri hendaklah disantuni dengan jayanya

06

Kemudahan jalur lebar merupakan keperluan mendesak rakyat, agensi kerajaan dan penyedia perkhidmatan atas talian

07

Perkukuh penyampaian maklumat kepada rakyat

08




# PERMULAAN KONSEP **PMBI**

**ERA KETIGA IAITU ERA PENGHAYATAN** bermula hasil penyempurnaan 8 arahan kerja yang telah ditetapkan oleh YAB Menteri Besar pada penghujung era kedua iaitu



Pertama: **Pemasukan 3 teras 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) dalam setiap perancangan, program dan aktiviti** sama ada program keagamaan atau projek pembangunan sebagai satu senarai semak yang mesti diambil kira sebelum kelulusan dan persetujuan diputuskan

Ketiga: **Projek-projek yang diluluskan di bawah RMK-12 perlu diberi perhatian yang serius** supaya projek itu dapat berjalan sebagaimana yang dijadualkan. Projek-projek keutamaan yang tergendala dan yang berstatus sakit memerlukan pendekatan yang agresif daripada UPEN, JKR, JPS, PBT dan lain-lain jabatan dan agensi agar dapat kembali mengikut landasan asalnya



Kedua: **Program pengukuhan Merakyat Membangun Bersama Islam secara dalaman dan luaran hendaklah diperkasa** bukan sahaja kepada penjawat awam tetapi meliputi seluruh komuniti masyarakat sama ada berbentuk seminar, bengkel atau latihan. Ini perlu ditekankan secara bersepadu kepada jabatan dan agensi berkaitan seperti JAHEAIK, BPSM, ILDAN, YTK, IPTG dan lain-lain

Keempat: **Kelantan berpotensi menjadi hub-pelaburan, Kelantan mesti menjadi pilihan pelabur, suasana kondusif untuk pelaburan** sama ada dalam negeri atau luar negeri mestilah diwujudkan supaya lebih peluang pekerjaan dapat ditawarkan kepada rakyat. Birokrasi yang menyusahkan dan membebankan pelabur dan pemaju projek mestilah dielakkan. Pihak yang berkaitan khususnya PTG, Bahagian Pelaburan Negeri, PMBK, PKINK, PBT dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan hendaklah bekerjasama erat dengan agensi persekutuan





**Kelima:** Pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif mesti dilaksanakan dalam pembelajaran subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) supaya modal insan yang dilahirkan lebih berdaya saing dan memiliki aspek pengetahuan, teknologi seperti internet kebendaan (IOT), kecerdasan buatan (AI), data raya, realiti maya, dan realiti terimbuh selari dengan ledakan dengan Revolusi Industri 4.0. Adalah penting untuk Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk memupuk jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi merangkumkan STEM dalam kurikulum pendidikan YIK

**Ketujuh:** Kemudahan jalur lebar merupakan keperluan mendesak rakyat, agensi kerajaan dan penyedia perkhidmatan atas talian. Kerajaan negeri sentiasa mengambil berat terhadap usaha melaksanakan Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi meningkatkan akses digital rakyat. Pihak yang terlibat dalam memberi kelulusan dan pelaksana hendaklah peka terhadap kesegeraan bagi memenuhi tempoh masa yang ditetapkan. Sebarang kelewatan akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi negeri dan rakyat akan terjejas



**Keenam:** Anak muda sebagai generasi masa hadapan negeri hendaklah disantuni dengan jayanya. Segala tawaran yang bermanfaat untuk pembangunan jati diri, pendidikan dan ekonomi mereka perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN), Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan (U-BeS) dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (JBSN Kelantan) hendaklah mengambil tanggungjawab ini

**Kelapan:** Perkukuh penyampaian maklumat kepada rakyat. Banyak isu yang tular disebabkan rakyat tidak mendapat maklumat yang tepat dan ini membawa kepada persepsi yang tidak baik terhadap Kerajaan negeri. Kaedah penyampaian maklumat perlu diperkasa menerusi kaedah lebih efektif dan sampai kepada rakyat. Dalam masa yang sama, setiap jabatan dan agensi hendaklah mengambil berat kepentingan komunikasi korporat di jabatan masing-masing



**PEMETAAN DOKTRIN &  
MAQASID SYARIAH  
DALAM PMBI  
(PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM)**






# Pemetaan Doktrin

## PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

BERDASARKAN DASAR, TERAS, PRINSIP, NILAI, NATIJAH DAN KUASA PENGGERAK



**NATIJAH**

**KUASA PENGGERAK  
KELANTAN FUTURES STATE 2033**

**Ikhlas  
Kerana  
Allah**

- 1) Ketokohan Kepimpinan Islam Peneraju Perubahan Dalam Pentadbiran
- 2) Keluhuran Nilai Kepimpinan Berakhlak Tinggi
- 3) Rakyat Mendokong Aspirasi Kepimpinan
- 4) Pemerksaan Pendidikan Rabbani
- 5) Reformasi Dan Implementasi Undang-undang Maju Depan Berasas Syariah

**Jujur  
Menjalankan  
Tugas**

- 1) Kepimpinan Ulama Menjadi Peneraju Ekonomi Islam
- 2) Pemantapan Sistem Perkaderan Kepimpinan Masa Depan
- 3) Pemerksaan Generasi Muda Kalis Masa Depan
- 4) Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Kalangan Masyarakat

**Memenuhi  
Hasil  
Cemerlang**

- 1) Kelestarian Sumber Dan Bekalan Air Terbaik Negara (Bertaraf Dunia)
- 2) Budaya Kebersamaan Rakyat Dengan Kerajaan Dalam Cakna Kebajikan
- 3) Industri Pertanian Berteknik Tinggi Adalah Asas Utama 'Keselamatan Makanan'
- 4) Pembudayaan Amalan Ekonomi Kitaran
- 5) Penguasaan Ekonomi Saksama Berpusat Rakyat
- 6) Kerajaan Negeri Dan Rakyat Menjadi Peneraju Manfaat Teknologi
- 7) Dasar Tenaga Boleh Baharu Dan Implementasi Secara Meluas
- 8) Produk Dan Perkhidmatan Berasaskan Teknologi
- 9) Memperkasakan Pengurusan Ekosistem Alam Sekitar
- 10) Sumber Mineral Dan Pembalakan Lestari





# 5

## PEMETAAN MAQASID SYARIAH DALAM ELEMEN KUASA PENGGERAK PENGHAYATAN MBI



حَفْظُ الدِّينِ  
HIFZ AL-DIN  
(MENJAGA AGAMA)



حَفْظُ النَّفْسِ  
HIFZ AL-NAFS  
(MENJAGA NYAWA)




حَفْظُ النَّسْلِ  
HIFZ AL-NASL  
(MENJAGA KETURUNAN)



حَفْظُ الْعَقْلِ  
HIFZ AL-'AQL  
(MENJAGA AKAL)



حَفْظُ الْمَالِ  
HIFZ AL-MAL  
(MENJAGA HARTA)



﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾ ١٠٧

*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad),  
melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

(Al-Anbiyaa' 21:107)



# MAQASID SYARIAH

# حَفْظُ الدِّينِ HIFZ AL-DIN (MENJAGA AGAMA)

**KUASA PENGGERAK**

Ketokohan Kepimpinan Islam  
Peneraju Perubahan Dalam  
Pentadbiran

Keluhuran Nilai Kepimpinan  
Berakhlak Tinggi

Rakyat Mendokong Aspirasi  
Kepimpinan

Reformasi Dan Implementasi  
Undang-Undang Maju Depan  
Berasas Syariah


**ELEMEN PENGHAYATAN MBI**

Membina ketokohan kepimpinan yang berkarisma, beretika, berprinsip dan berpandangan jauh dalam menerajui perubahan

Membina pemimpin yang berilmu, berakhlak tinggi, berintegriti, negarawan, matang politik, bersih dan amanah

Rakyat mendokong, mempercayai dan menjiwai matlamat dan hala tuju yang diumumkan oleh pemimpin mereka

Mereformasi dan mengimplementasi undang-undang berasaskan syariah selaras dengan perubahan semasa dan unjuran masa depan





## ELEMEN PENGHAYATAN MBI


### KUASA PENGGERAK

## MAQASID SYARIAH

# حِفْظُ النَّفْسِ

## HIFZ AL-NAFS (MENJAGA NYAWA)

Permerksaan Pendidikan Rabbani	Memperkasakan institusi pendidikan agama dan menerapkan budaya komuniti Rabbani
Pemantapan Sistem Perkaderan Kepimpinan	Kerajaan Negeri Kelantan membentuk satu sistem perkaderan yang mampan bagi membina generasi pelapis kepimpinan
Kelestarian Sumber Dan Bekalan Air Terbaik Negara (Bertaraf Dunla)	Memastikan pemuliharaan dan pengurusan sumber dan bekalan air dikelola dengan teliti, efisien dan berkesan bagi memastikan kecukupan dan kualiti sumber dan air mengikut piawaian antarabangsa
Budaya Kebersamaan Rakyat Dengan Kerajaan Dalam Cakna Kebajikan	Memupuk budaya aktivisme kesukarelawan dalam kalangan masyarakat bagi mendokong visi kerajaan berkeadilan
Industri Pertanian Berteknologi Tinggi	Memastikan penggunaan teknologi dan inovasi dalam industri pertanian seperti pengelolaan tanaman dan haiwan, pengawalan iklim, dan penggunaan sumber daya dengan cekap bagi memastikan ketersediaan dan akses kepada makanan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat
Mengimple-mentasi Dasar Tenaga Boleh Baharu Secara Meluas	Meningkatkan produksi dan penggunaan tenaga boleh baharu melalui pelaburan, pengembangan teknologi, dan regulasi bagi mengurangkan kesan rumah hijau, ketergantungan pada bahan bakar fosil, dan mencapai sistem tenaga yang lebih mampan
Memperkasakan Pengurusan Ekosistem Alam Sekitar	Meningkatkan kapasiti, pengetahuan, dan tindakan untuk mengatasi ancaman dan memulihara keseimbangan alam sumber biodiversiti





## MAQASID SYARIAH

# حَفْظُ النَّسْلِ

## HIFZ AL-NASL

(MENJAGA KETURUNAN)

### KUASA PENGGERAK

Pemeriksaan  
Generasi Muda  
Kalis Masa  
Depan



### ELEMEN PENGHAYATAN MBI

Melahirkan generasi yang dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran seperti kemahiran berfikir, kekuatan rohani dan jasmani, dan keutuhan jati diri yang mampu menghadapi masa hadapan yang banyak persaingan dan cabaran




**MAQASID SYARIAH**

**حِفْظُ الْعَقْلِ**  
**HIFZ AL-'AQL**  
 (MENJAGA AKAL)


**KUASA  
 PENGGERAK**

**ELEMEN  
 PENGHAYATAN MBI**

**Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Kalangan Masyarakat**



**Menerapkan budaya pembelajaran sepanjang hayat secara formal dan tidak formal dalam pelbagai disiplin ilmu**





# MAQASID SYARIAH


## حِفْظُ الْمَالِ

HIFZ AL-MAL  
(MENJAGA HARTA)

### KUASA PENGGERAK

### ELEMEN PENGHAYATAN MBI

- Kepimpinan Ulama Menjadi Peneraju Ekonomi Islam** | Kemajuan ekonomi Islam di Kelantan didokong oleh kepimpinan ulama
- Pembudayaan Amalan Ekonomi Kitaran** | Membudayakan amalan penggunaan sumber dan pengeluaran dengan berpandukan prinsip mampan dan mengutamakan kelestarian alam sekitar bagi membantu memperbaiki kesan negatif terhadap alam sekitar dan menjana ekonomi secara mampan dalam jangka panjang
- Penguasaan Ekonomi Saksama Berpusat Kepada Rakyat** | Merapatkan jurang ekonomi dengan penjanaaan peluang pekerjaan hasil kerjasama kerajaan, swasta, komuniti dan rakyat
- Kerajaan Negeri Dan Rakyat Menjadi Peneraju Manfaat Teknologi** | Memupuk budaya mempelopori inovasi dan penggunaan teknologi yang mesra insaniah
- Produk Dan Perkhidmatan Berasaskan Teknologi** | Memastikan produk dan perkhidmatan menggunakan teknologi sebagai aspek utama dalam pembuatan, penyampaian, atau penggunaan supaya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan lebih efisien, mudah akses dan memberi keselesaan kepada pengguna
- Pengusahaan Sumber Mineral Dan Pembalakan** | Pengusahaan sumber mineral dan pembalakan sebagai aktiviti ekonomi yang menggunakan sumber daya alam secara optimum untuk memenuhi keperluan manusia




**FASA-FASA**  
**PELAKSANAAN PMBI**  
(PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM)





# FASA-FASA PELAKSANAAN






## PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)



**FASA PERTAMA FASA PEMACU STRATEGI**

**KELOMPOK FAKTOR KEPIMPINAN**

Penghayatan Membangun Bersama Islam ini harus dipacukan dan didasari oleh kuasa penggerak yang berpaksi kepada 'Kelompok Faktor Kepimpinan'. Kelompok faktor ini juga merupakan pemacu utama usaha merealisasikan PMBI ini. Kuasa penggerak ini terdiri daripada:


-  **Kepimpinan ulama sebagai peneraju dalam ekonomi Islam**
-  **Ketokohan kepimpinan Islam sebagai penentu perubahan dalam pentadbiran**
-  **Keluhuran nilai kepimpinan yang berakhlak tinggi**
-  **Pemantapan sistem perkaderan kepimpinan untuk masa depan**
-  **Pemeriksaan Pendidikan Rabbani**

Dalam konteks pelan tindakan jangka panjang, pemeriksaan pendidikan rabbani menjadi faktor penting dalam meningkatkan kelestarian tampuk kepimpinan seperti yang digariskan oleh kelima-lima faktor kepimpinan dalam kelompok ini.


Kesemua faktor-faktor dalam kelompok kepimpinan ini harus digerakkan secara kolektif untuk dijadikan dasar strategi yang kukuh untuk merealisasikan senario Kelantan Sejahtera 2033.

**KELOMPOK FAKTOR PENGURUSAN SUMBER**


Seterusnya 'Kelompok Faktor Kepimpinan' ini menjadi dasar utama kepada 'Kelompok Faktor Pengurusan Sumber' melalui faktor seperti berikut:



Faktor 'Dasar Tenaga Boleh Baharu Dan Implementasi Secara Meluas' merupakan elemen penting dalam merencanakan 'Kelompok Faktor Pengurusan Sumber' melalui faktor seperti berikut:



Ini menunjukkan pentingnya memupuk amalan ekonomi yang berteraskan konsep kitar semula, kelestarian alam sekitar, dan memperkembangkan penggunaan dasar tenaga boleh diperbaharui dalam mencapai visi Penghayatan Membangun Bersama Islam.





## FASA KEDUA FASA KEMAMPAKAN STRATEGI

### KELOMPOK FAKTOR PENGURUSAN ALAM SEKITAR LESTARI DAN TEKNOLOGI

Salah satu fokus utama dalam Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) adalah pemahaman tentang faktor-faktor kemampuan strategi yang mempengaruhi strategi seterusnya selepas Fasa Pemacu Strategi.

Dalam fasa ini, faktor 'Kelompok Pengurusan Sumber' merupakan langkah strategi seterusnya. Kuasa penggerak dalam kelompok ini terdiri dari kategori faktor pengurusan sumber manusia, sumber asli, dan teknologi.

Kuasa penggerak utama yang perlu diberi perhatian adalah:


**Kelestarian sumber dan bekalan air terbaik negara (Bertaraf Dunia).** Kelestarian sumber dan bekalan air merupakan aspek yang kritikal dan memberikan impak yang besar terhadap kelestarian tampuk kepimpinan. Ini merujuk kepada pengurusan yang cemerlang dalam menjaga kualiti air, memastikan bekalan air yang berkekalan, dan menguruskan sumber air secara efisien.

Seterusnya, pentingnya peranan kerajaan negeri dan rakyat sebagai peneraju dalam memanfaatkan teknologi juga tidak boleh diabaikan. Dalam era perkembangan teknologi yang pesat, kerajaan negeri dan rakyat memainkan peranan yang sangat penting dalam **memanfaatkan teknologi untuk tujuan pembangunan dan kemajuan.** Dengan terlibat secara aktif dalam pemanfaatan teknologi yang bijak dan bertanggungjawab, tampuk kepimpinan dapat memperoleh kelebihan dalam aspek pengurusan, pembangunan, dan kesejahteraan dalam konteks kelestarian tampuk kepimpinan.



**Pemperkasaan pengurusan ekosistem alam sekitar** juga merupakan faktor kemampuan strategi yang memainkan peranan penting. Pemperkasaan pengurusan ekosistem alam sekitar melibatkan usaha untuk memelihara dan menjalankan pengurusan yang efektif terhadap ekosistem alam, dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Seterusnya '**Pengusahaan sumber mineral (sumber asli) dan pembalakan lestari**'. Melalui pengurusan yang berwawasan kelestarian, tampuk kepimpinan dapat memastikan pemanfaatan sumber mineral dan pembalakan yang bertanggungjawab, yang tidak hanya memberikan manfaat ekonomi tetapi juga menjaga kelestarian alam sekitar.



## FASA KETIGA FASA PENEGUH VISI

### KELOMPOK FAKTOR PENGURUSAN STRATEGI

Fasa ini merupakan kelompok strategi yang mentakrifkan secara khusus halatuju atau matlamat Penghayatan Membangun Bersama Islam. Oleh kerana itu, elemen-elemen yang terkandung dalam fasa ini ditakrifkan sebagai indikator-indikator pencapaian visi Kelantan Sejahtera 2033. Antara kuasa penggerak yang terkandung adalah:


**Industri pertanian berteknologi tinggi menjadi dasar utama 'Food security'.** Indikator ini terhubung-jalin terus dari kelompok faktor pengurusan sumber. Indikator ini menekankan aspek kemajuan sektor pertanian dengan menggunakan teknologi canggih untuk memastikan ketersediaan dan kualiti bekalan makanan kepada penduduk negeri.

Pentingnya untuk menerapkan **budaya pembelajaran berterusan yang melibatkan semua lapisan masyarakat**, agar mereka terus mengembangkan pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan mereka, seterusnya secara langsung menyumbang kepada penguasaan ekonomi yang adil dan tidak terlalu terpusat pada segelintir pihak, tetapi memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat untuk turut serta dan mendapat manfaat daripadanya.



Selain itu, **kuasa penggerak penguasaan ekonomi yang adil dan berpusat pada rakyat**, serta perkembangan produk dan perkhidmatan berdasarkan teknologi, juga merupakan indikator peneguh visi yang memberikan sumbangan kepada ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi dan berkualiti kepada penduduk negeri.

Indikator-indikator ini akan memberi **impak kepada pemerksaan generasi muda sebagai harapan masa depan**, serta reformasi dan implementasi undang-undang maju yang berlandaskan prinsip syariah. Hal ini menunjukkan kepentingan untuk memperkasakan generasi muda sebagai aset berharga dan menyediakan kerangka undang-undang yang sesuai dengan prinsip-prinsip syariah dalam membina masyarakat yang adil dan amanah.





## NATIJAH AKHIR

Kesemua faktor dan indikator dalam ketiga-tiga fasa, baik secara langsung mahupun tidak langsung memiliki pengaruh yang signifikan terhadap dua kekuatan penggerak penting:-


### Indikator Pertama

**Indikator sokongan rakyat terhadap aspirasi kepimpinan** merupakan elemen penting dalam mewujudkan kejayaan dan keberkesanan kepimpinan. Sokongan yang kuat daripada rakyat memberi kekuatan kepada pemimpin untuk melaksanakan perubahan dan memajukan kepentingan masyarakat secara menyeluruh.

### Indikator Kedua

**Indikator budaya kebersamaan rakyat dengan kerajaan dalam aspek kebajikan** menunjukkan pentingnya hubungan yang erat antara rakyat dan kerajaan dalam mempromosikan kesejahteraan bersama. Budaya kebersamaan ini melibatkan kerjasama aktif antara masyarakat dan pihak berkuasa untuk memastikan pemenuhan keperluan asas dan kebajikan rakyat terjamin. Melalui kerjasama yang berterusan, kerajaan dapat menyediakan perkhidmatan awam yang berkualiti dan menyeluruh, serta mengambil kira keperluan dan kepentingan rakyat dalam setiap keputusan dan langkah yang diambil.

Kedua-dua indikator penggerak ini saling berkait rapat dan saling mempengaruhi. Sokongan rakyat memberi kekuatan kepada kepimpinan untuk mengambil langkah-langkah berani dan berkesan, manakala budaya kebersamaan rakyat dengan kerajaan memastikan bahawa kebijaksanaan dan program-program yang dilaksanakan adalah sejajar dengan keperluan dan aspirasi rakyat.



# **PENUTUP**

**PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-PMBI**






# PENUTUP



Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam ini akan mengikat setiap dasar, perancangan, pembangunan, program dan aktiviti Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan



Dokumen induk ini akan menjadi asas kepada pembentukan Pelan Tindakan Strategik Penghayatan Membangun Bersama Islam yang akan diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan dan Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK), Pejabat Menteri Besar Kelantan





# Dokumen Induk

وثقياتن ممباغون برسام اسلام

# PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI)

2023 - 2033



*Menteri Besar*  
YANG AMAT BERTHORMAT  
DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HAJI  
MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD  
Pengerusi Jawatankuasa  
Perancangan, Pentadbiran Awam,  
Kewangan, Ekonomi dan Tanah

*Timbalan Menteri Besar*  
YANG BERTHORMAT  
DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HASSAN  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti,  
Pembangunan Insan dan Undang-Undang



YB MEJAR (B) DATO'  
HAJI MD ANIZAM BIN  
AB RAHMAN  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pelaburan, Perindustrian,  
Sumber Manusia, Perdagangan  
dan Keusahawanan

YB DATO'  
DR. IZANI  
BIN HUSIN  
Pengerusi Jawatankuasa  
Kerjasama, Infrastruktur,  
Air dan Pembangunan  
Luar Bandar

YB USTAZ TUAN  
MOHD SARIPUDIN  
BIN TUAN ISMAIL  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pertanian, Industri  
Agromakanan dan  
Komoditi

YB USTAZ WAN  
ROSLAN BIN WAN  
HAMAT  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pendidikan, Pengajian Tinggi,  
Teknologi Hijau, Digital  
dan Inovasi

YB ROHANI BINTI  
IBRAHIM  
Pengerusi Jawatankuasa  
Kebajikan, Pembangunan  
Keluarga dan Wanita



YB USTAZ MOHD  
ASRI BIN MAT DAUD  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pembangunan Islam,  
Dakwah, Penerangan dan  
Hubungan Seranta

YB ZAMAKHSHARI  
BIN MUHAMAD  
Pengerusi Jawatankuasa  
Bella, Sukan, NGO dan  
Perpaduan Masyarakat

YB HILMI BIN  
ABDULLAH  
Pengerusi Jawatankuasa  
Kerajaan Tempatan,  
Perumahan, Kesihatan  
dan Alam Sekitar

YB DATUK KAMARUDIN  
BIN MD NOR  
Pengerusi Jawatankuasa  
Pelancongan, Kebudayaan,  
Kesenian dan Warisan